



SURAT PEMBERITAHUAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

BIL: 22 / 2008

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**ANUGERAH SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN PROGRAM TENAGA
PAKAR DAN PROFESSIONAL, PROJEK DANA SUMBER MANUSIA
BAGI SESI 2009/2010**


Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan yang telah membuat perancangan bagi pegawai-pegawai didalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam(selepas ini dipanggil Kerajaan) di Kementerian dan Jabatan masing-masing untuk mengikuti pengajian melalui:

- A. Anugerah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan atas biaya Kerajaan atau bukan Kerajaan
- B. Program Tenaga Pakar dan Professional, Projek Dana Sumber Manusia bagi kursus di luar negeri

bagi sesi 2009/2010 bolehlah menghadapkan sokongan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia Kementerian masing-masing. Pegawai-pegawai yang disokong hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan seperti berikut:

1. SYARAT-SYARAT AM

- 1.1 Memenuhi Syarat-Syarat dan Peraturan-Peraturan seperti dalam Surat-Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:**27/1988** (Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat Yang Mengawal Mengenai Dengan Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri) atau Bil:**10/2006** (Syarat-Syarat dan Peraturan-Peraturan Yang Mengawal Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL) dan/atau Bil:**16/2006** (Program Tenaga Pakar dan Professional)
- 1.2 Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan iaitu mulai tahun 2006 sekurang-kurangnya pada tahap **Sangat Baik** bagi semua tahap kursus.



Ketua-ketua Jabatan hendaklah membuat/menghadapkan laporan sulit mengenai prestasi secara keseluruhan bagi pegawai/kakitangan yang baru berkhidmat kurang dari satu (1) tahun perkhidmatan.

- 1.3 Memenuhi tempoh ikatjanji yang telah ditetapkan serta mempunyai lebih tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan sekurang-kurangnya dua (2) tahun selepas menamatkan tempoh ikatjanji.

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

- 2.1 Syarat-syarat kelayakan minimum akademik mengikut tahap pengajian adalah seperti berikut:

- 2.1.1 Ijazah Kedoktoran (Ph.D) - Mempunyai Ijazah Sarjana atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya atau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda bagi kes-kes yang bersesuaian.
- 2.1.2 Ijazah Sarjana (Master) - i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian (Honours) dalam bidang yang berkait rapat dengan kursus yang akan diikuti atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya; atau
- ii) Pegawai yang mendapat Ijazah Sarjana Muda tidak bertaraf kepujian di bawah program atau sistem yang tidak menawarkan Ijazah Kepujian (Honours) boleh dipertimbangkan jika:
- markah kelulusan ijazah Sarjana Muda tersebut secara keseluruhan di peringkat 'high pass' atau memenuhi GPA (Grade Point Average) atau mana-mana sistem penilaian markah yang boleh diterima.

[Handwritten signature]